

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID
[KEMAMAN]**

SOALAN

TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [KEMAMAN] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan bilangan terkini yang terlibat dengan program pertanian bandar dan usaha yang dilakukan bagi menggalakkan lebih ramai menceburi pertanian bandar terutama golongan B40.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Sejak 2014 sehingga kini, seramai 124,988 orang termasuk dari sekolah, institusi, individu dan komuniti di 5,065 lokasi seluruh negara telah terbabit dalam program pertanian bandar. Melalui Program Pertanian Bandar, kementerian menerusi Jabatan Pertanian telah menawarkan pakej bantuan dalam bentuk input pertanian seperti benih, baja, infrastruktur, peralatan, khidmat nasihat dan latihan kepada para peserta.
2. Bagi menjayakan konsep ini, beberapa kaedah pembangunan pertanian yang sesuai dilaksanakan di kawasan yang terhad seperti kebun komuniti, laman dapur, kebun/laman institusi, *edibel landskap*, mini fertigasi, *vertical farming*.
3. Sehubungan dengan itu, bagi menggalakkan lebih ramai menceburi bidang pertanian bandar terutama golongan B40,

SOALAN NO : 114

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan telah mengambil beberapa pendekatan seperti berikut:-

- a) bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam Dasar Komuniti Negara dengan membangunkan projek Pertanian Bandar di 19 PPR di seluruh Malaysia mengikut senarai di bawah:-

BIL	NEGERI	BIL	PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT
1	PERLIS	1	PPR Sena, Perlis
2	KEDAH	2	PPR Taman Dahlia, Langkawi, Kedah
		3	PPR Paya Nahu 2, Sg. Petani, Kedah
3	P. PINANG	4	PPR Taman Manggis, Georgetown, Pulau Pinang
		5	PPR Taman Bagan Jaya, Butterworth, Pulau Pinang
4	PERAK	6	PPR Paya Simpang Perdana, Taiping, Perak
		7	Rumah Pangsa Jalan Hospital, Ipoh, Perak
5	SELANGOR	8	PPR Lembah Subang 2, Petaling Jaya, Selangor
6	N.SEMBILAN	9	PPR Senawang (Jasmine), Negeri Sembilan
7	MELAKA	10	PPR Tehel, Melaka
8	JOHOR	11	PPR Desa Mutiara, Tebrau, Johor
		12	PPR Kempas Permai, Tampoi Johor
9	PAHANG	13	PPR Seri Kemuning, Temerloh, Pahang
		14	Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) Pak Mahat, Kuantan, Pahang
10	TERENGGANU	15	PPR Padang Hiliran, Terengganu
11	KELANTAN	16	PPR Gua Musang, Kelantan
		17	PPR Kota Bharu, Kelantan
12	SABAH	18	PPR Telipok Ria, Tuaran, Sabah
		19	PPR Taman Seri Keramat, Putatan, Sabah

SOALAN NO : 114

- b) menjalankan promosi aktiviti-aktiviti pertanian bandar melalui media massa dan media sosial seperti Facebook dan Youtube.
- c) Memberi pendedahan awalan konsep pertanian bandar di kalangan pelajar sekolah dan penuntut di institusi pengajian tinggi
- d) Menjalinkan kerjasama strategik dengan pihak swasta dalam mempelbagaikan teknologi dan kaedah pertanian bandar untuk disesuaikan dengan persekitaran di bandar.

Sekian, terima kasih.